SITI AISHAH BINTE IBRAHIM lwn. GOH CHENG HWAI*

[Mahkamah Persekutuan (Raja Azlan Shah H.B., Abdul Hamid H.P. dan Abdoolcader H.) May 5, 1982]

[Pulau Pinang – Mahkamah Persekutuan Rayuan Sivil No. 91/1981]

Amalan dan Acara – Rayuan – Penemuan fakta oleh Mahkamah yang membicarakan – Sama ada Mahkamah Rayuan boleh mengganggu penemuan itu – Surat guaman – Kegagalan pihak menuntut mematuhi surat guaman – Sama ada membawa padah yang buruk.

Di dalam kes ini di mana tuntutan dibuat untuk gantirugi Yang di Pertua Mahkamah Sesyen Pulau Pinang telah berpendapat bahawa pihak menentang rayuan telah cuai dan pihak merayu pula telah bersalah cuai sumbangan. Keterangan menunjukkan bahawa pihak menentang rayuan telah melihat pihak merayu, seorang perempuan tua, kira-kira 30 kaki darinya akan melintasi jalan dan kemungkinan berlakunya bahaya jelas kelihatan. Yang di Pertua Mahkamah Sesyen berpendapat bahawa pihak menentang rayuan telah cuai kerana tidak mengambil tindakan berhati-hati dan pihak merayu juga boleh dipersalahkan apabila dia cuba melintasi jalan itu tanpa betul-betul menentukan bahawa adalah selamat baginya untuk berbuat demikian. Dia membahagikan tanggungan atas nisbah 50-50. Apabila rayuan dibuat Arunalandom H. telah membenarkan rayuan dan memerintah tuntutan pihak merayu ditolak dengan dikenakan beban kos. Pihak merayu telah membuat rayuan. Di dalam surat guamannya pihak merayu telah berkata bahawa dia "sedang berjalan di sebelah yang betul jalanraya itu" sedangkan di dalam keterangan dia telah mengatakan bahawa dia sedang berjalan melintasi jalan itu. Adalah menjadi hujjah pihak yang menentang rayuan bahawa kegagalan pihak merayu menepati apa yang disebutkan di dalam surat guaman membawa padah yang buruk kepada kesannya dan dengan itu tuntutan pihak merayu mestilah ditolak.

Diputuskan: (1) adalah jelas bahawa pihak yang menentang rayuan/dituntut tidak dikelirukan, dimudharatkan, dihalang atau diterperanjatkan dengan apa cara pun atau disesatkan oleh surat guaman pihak yang menuntut kerana dari awal lagi adalah menjadi hujjah dan des pihak dituntut bahawa pihak yang menuntut sedang melintasi jalan dan tidak berjalan di tepi jalan;

(2) Persoalan yang harus diputuskan oleh Yang di Pertua yang ariff di dalam kes ini adalah sebenarnya soalan fakta. Mahkamah Rayuan tidak patut mengganggu penemuan mahkamah yang membicarakan oleh kerana tidak ada sebab yang sah menunjukkan hakim yang membicarakan itu tidak menggunakan dengan betul peluang beliau melihat dan mendengar sendiri saksi-saksi.

Kes yang dirujukkan

(1) *Menah binte Sulong* v. *Lim Soo and Anor.* [F.C. Civil Appeal No. 36 of 1970]

(2) *Esso Petroleum Co. Ltd.* v. *Southport Corporation* [1956] 2 W.L.R. 81, 91.

(3) *K.E.P. Mohamed Ali* v. *K.E.P. Mohamed Ismail* [1981] 2 M.L.J. 10.

(4) *Playing Cards (Malaysia) Sdn. Bhd.* v. *China Mutual Navigation Co. Ltd.* [1980] 2 M.L.J. 182.

(5) *Yahaya bin Mohamed* v. *Chin Tuan Nam* [1975] 2 M.L.J. 117.

(6) *Chan Peng Fook* v. *Kan Pak Lee* [1974] 2 M.L.J. 197.

MAHKAMAH PERSEKUTUAN.

Ajmer Singh bagi pihak merayu.

B. Mahesan bagi pihak menentang rayuan.

Abdul Hamid H.P.: Dalam satu rayuan oleh pihak menentang rayuan/pihak dituntut terhadap keputusan Yang diPertua Mahkamah Sesyen, Pulau Pinang, yang telah mendapati bahawa pihak menentang rayuan telah cuai dan pihak merayu/pihak yang menuntut pula telah bersalah kerana cuai sumbangan, Arulanandom H. telah menerima rayuan dan mengarahkan tuntutan pihak merayu ditolak dan dikenakan beban kos. Rayuan ini ialah terhadap keputusan Hakim Yang Arif itu. Kami telah menerima rayuan dan kini memberikan sebabnya.

Hujjah utama pihak merayu ialah bahawa Hakim Yang Arif itu telah melakukan kesilapan undang-undang apabila beliau mengganggui fakta yang telah ditemui oleh Yang di Pertua yang arif itu.

Sebaliknya peguam bagi pihak yang menentang rayuan telah menghujjahkan bahawa berasaskan surat guaman, adalah menjadi kes pihak merayu bahawa pada masa pelanggaran itu beliau "sedang berjalan di sebelah yang betul jalanraya itu dengan menurut undang-undang", sedangkan dalam keterangannya beliau telah mengatakan bahawa beliau sedang berjalan melintasi jalan itu. Adalah menjadi hujjah pihak yang menentang rayuan bahawa kegagalan pihak merayu menepati apa yang disebutkan di dalam surat guaman membawa padah yang buruk kepada kes beliau dan dengan itu tuntutan pihak merayu mestilah ditolak. Kes *Menah binti Sulong @ Minah binti Sulong @ Aminah binti Sulong* lwn. *Lim Soo & Seorang Lain*[1] telah digunakan sebagai nas bahawa sesuatu keputusan mestilah menepati surat guaman. Ini dibayangkan oleh petikan ucapan Lord Radcliffe dalam *Esso Petroleum Co. Ltd.* lwn. *Southport Corporation*[2] apabila beliau mengatakan:

"Sekiranya mahkamah rayuan hanyalah menganggap pematuhan itu sebagai sesuatu yang hanya sangat atau terlalu mementingkan peraturan, saya tidak dapat melihat

* Dialihbahasa dari [1982] 2 M.L.J. 124 oleh Nik Ramlah binte Nik Mahmod, LL.B. (Malaya), LL.M. (London). Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.

apakah peranan yang dapat dimainkan olehnya dalam sistem pembicaraan kita."

Kes *Esso Petroleum Co. Ltd.* v. *Southport Corporation* boleh dengan jelasnya dibezakan dari kes ini dan begitu juga kes *Menah binti Sulong*. Kes yang terdahulu itu adalah satu tuntutan berasaskan pencerobohan kacauganggu dan kecuaian dan dengan itu perlu ditentukan terlebih dahulu isu perlu untuk pembicaraan itu. Dalam kes itu pihak menuntut telah membawa kes mereka dan menghadkan keterangan mereka kepada butir-butir lebih lanjut dan lebih baik yang tertentu. Telah diputuskan di muka surat 82 bahawa "oleh kerana tiap-tiap dakwaan di dalam pernyataan tuntutan telah diputuskan dengan betul oleh Hakim yang membicarakan kes itu dengan cara yang bertentangan dengan kepentingan tuan punya kawasan pantai, yang telah tidak membuat sebarang tuduhan mengenai ketidaksesuaian kapal untuk pelayaran, tuan punya kapal tidak boleh didapati bertanggungan kerana mereka tidak menafikan kemungkinan satu kes yang tidak didakwa terhadap mereka dalam guaman ataupun *dibuat terhadap mereka di sepanjang perbicaraan*". (garisan itu kami buat).

Kes yang terakhir itu boleh juga dibezakan dari kes ini dan adalah jelas dari keputusan Ong H.B. yang menyampaikan keputusan mahkamah bahawa kedua-dua dalam penyataan tuntutan pihak yang menuntut dan "berulangkali dalam keterangannya beliau menyatakan bahawa beliau telah turun dari basikal dan sedang berdiri di atas rumput di pinggir jalan apabila kereta itu melanggar beliau, dan kereta itu berada di sebelah yang salah jalan sedangkan pihak yang menentang tuntutan mendakwa basikal itu telah keluar dari persimpangan tanpa berhenti".

Kes yang dibincangkan sekarang adalah mudah dan senang difahami walaupun pihak merayu mengatakan dalam penyataan tuntutannya bahawa beliau "sedang berjalan di sebelah yang betul jalanraya itu dengan menurut undang-undang" dalam keterangannya dia dengan jelas menyatakan bahawa dia sedang melintasi jalan itu. Lagi pun dalam laporan polis yang dimasukkan di dalam himpunan dokumen yang telah dipersetujui (Ex. P. 1) pada masa pembicaraan beliau telah mengatakan bahawa beliau sedang melintasi jalan. Pihak yang menentang tuntutan juga di dalam pembelaan dan keterangannya mengatakan bahawa pihak yang menuntut sedang melintasi dari sebelah kiri ke sebelah kanan jalan itu.

Oleh itu adalah jelas bahawa pihak yang dituntut telah tidak dikelirukan, dimudharatkan, dihalang atau diterperanjatkan dengan apa cara pun atau disesatkan oleh surat guaman pihak yang menuntut kerana dari awal lagi adalah menjadi hujjah dan kes pihak dituntut bahawa pihak yang menuntut sedang melintasi jalan dan tidak berjalan di tepi jalan.

Di peringkat rayuan, Hakim Yang Arif telah menyedari bahawa keterangan pihak yang menuntut adalah bertentangan dengan surat guamannya, tetapi memandangkan penemuan fakta yang lain, beliau merasakan adalah tidak perlu untuk terlampau menekankan perkara-perkara teknikal.

Di mahkamah ini dalam kes *KEP Mohamed Ali* v. *K.E.P. Mohamed Ismail*[3] Y.A.M. Hakim Besar Raja Azlan Shah dalam menyampaikan keputusan Mahkamah di muka surat 12 telah berkata:

> "Oleh kerana salah satu tujuan surat guaman moden ialah untuk mengelakkan sesuatu yang tidak diduga, kita tidak boleh buat seketika pun memikirkan bahawa pihak yang menentang tuntutan telah terperanjat. Untuk menghukum sesuatu pihak atas satu alasan berkenaan mana tidak ada fakta penting yang disebut dalam surat guaman mungkin menjadai satu perbuatan menidakkan keadilan yang sama besarnya dengan menghukum beliau atas satu alasan yang keterangannya telah dengan wajarnya disisihkan."

Dalam satu kes lain *Playing Cards (Malaysia) Sdn. Bhd.* v. *China Mutual Navigation Co. Ltd.*[4] mahkamah ini, melalui keputusan mahkamah yang telah disampaikah oleh Abdoolcader H. telah berkata "walaupun surat guaman dalam kes ini tidak begitu tepat, kedua-dua pihak mengetahui kes yang dikemukakan oleh pihak yang satu lagi dan keadilan memerlukan isu substantif di antara kedua-dua pihak dipertimbangkan."

Kami berpendapat bahawa dalam keadaan kes ini Yang di Pertua yang arif Mahkamah Sesyen berhak mempertimbangkan kes itu dengan mengambil kira keseluruhan keterangan dan untuk memutuskannya dengan cara yang saksama bagi kedua-dua pihak.

Apa yang masih perlu dipertimbangkan ialah sama ada patut mahkamah rayuan mengganggu penemuan Yang di Pertua yang arif yang berasaskan keterangan penting yang ada di hadapan beliau dan yang telah mendapat faedah dengan melihat dan mendengar sendiri saksi-saksi. Kami berpendapat ini tidak patut dilakukan kerana persoalan yang harus diputuskan oleh Yang di Pertua yang arif adalah sebenarnya soalan fakta. Prinsip yang seharusnya menjadi panduan bagi

mahkamah rayuan berkenaan perkara ini boleh didapati dalam kes Majlis Privy iaitu *Yahya bin Mohamed* v. *Chin Tuan Nam.*[5] Ini adalah mengenai satu kes kemalangan jalanraya di mana isu penting ialah di sebelah mana garisan pelanggaran itu berlaku. Hakim telah menimbangkan keterangan saksi-saksi, pelan lakar dan gambar pihak polis dan telah membuat penemuan fakta yang tertentu. Majlis Privy telah memutuskan bahawa penemuan Hakim yang membicarakan kes itu tidak sepatutnya diganggu. Hanya jarang sekali "mahkamah rayuan, tanpa mendapat peluang melihat dan mendengar saksi-saksi, didapati wajar membuat keputusan yang berlainan dari hakim yang membicarakan kes di atas soalan percayaan". Kami juga mempunyai pendapat yang sama bahawa mahkamah rayuan hanya wajar membuat keputusan yang berlainan sekiranya ada alasan yang sah yang menunjukkan bahawa hakim yang membicarakan kes itu telah tidak menggunakan dengan betul peluang beliau melihat dan mendengar saksi-saksi.

Keterangan menunjukkan bahawa dalam kes ini pihak yang menentang rayuan telah melihat pihak yang merayu, seorang perempuan tua, kira-kira 30 kaki darinya akan melintasi jalan dan kemungkinan berlakunya bahaya jelas kelihatan. Dengan keadaan itu satu tugas khas dikenakan untuk berhati-hati dan kegagalan pihak menentang rayuan dalam tugas itu adalah satu kecuaian (lihat *Chan Peng Fook* v. *Kan Pak Lee*[6] oleh Hashim Yeop A Sani H.). Yang di Pertua yang arif, telah pada pendapat kami dengan betul mendapati sebagai satu fakta bahawa pihak yang menentang rayuan telah cuai dan pihak yang merayu juga boleh dipersalahkan apabila dia mencuba melintasi jalan itu tanpa betul-betul menentukan bahawa adalah selamat baginya untuk berbuat demikian. Kami tidak dapat melihat apa-apa alasan yang sah untuk memutuskan bahawa pembahagian tanggungan atas nisbah 50-50 tidak berasaskan keterangan.

Atas sebab-sebab ini, kami menerima rayuan dengan kos dan menegakkan semula arahan yang dibuat oleh Yang di Pertua yang arif.

LEMBAGA LETRIK NEGARA lwn. RAMAKRISHNAN*

[Mahkamah Persekutuan (Raja Azlan Shah H.B. (Malaya), Abdul Hamid H.P. dan Abdoolcader H.) Mei 11, 1982]

[Pulau Pinang – Mahkamah Persekutuan Rayuan Sivil No. 240/1980]

Tort – Tugas penghuni tanah kepada penceroboh – Sama ada tugas am berhati-hati wujud serentak dengan tugas dari menduduki tanah – Pengetahuan tentang bahaya kepada orang-orang yang datang kepada tanah itu – Kegagalan mengambil langkah yang sesuai seperti yang ditetapkan oleh perikemanusiaan biasa dan memandang kepada keadaan persendirian dan had kewangan – Pecah tugas – Cuai sumbangan.

Ini adalah rayuan dari keputusan Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang, yang dilaporkan di [1981] 2 M.L.J. 347.

Pihak menentang rayuan seorang budak lelaki berusia 10 tahun telah panjat tiang H-Pole (yang didiri dan dikendalikan oleh pihak merayu) di dalam usaha melepaskan burung yang terperangkap di atas kawat di puncak tiang itu. Berlaku satu pancaran letrik yang mengakibatkan dia terkena letrik dan terhumban ke tanah. Sebagai akibatnya dia mengalami kecederaan parah. Tuntutan berlandaskan kepada kecuaian pihak merayu dalam mendiri dan mengendalikan tiang H-Pole itu yang membawa letrik voltage tinggi benar-benar berhampiran dengan jalan awam untuk orang berjalan kaki yang tidak berpagar di sebuah sawah padi di Bayan Lepas, Pulau Pinang, yang mana tiang H-Pole dan kawat tersebut merupakan satu bahaya dan tarikan kepada pihak menentang rayuan dan untuk pecahan tugas yang ditetapkan oleh undang-undang di bawah Peraturan Letrik 1951. Dalihan hanya merupakan penafian semata-mata tentang kecuaian dan pecahan tugas yang ditetapkan oleh undang-undang tetapi dalam perjalanan hujjah di hadapan hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan, hujjah terutama adalah bahawa pihak menentang rayuan adalah seorang penceroboh dan oleh yang demikian pertalian penghuni/penceroboh perlulah dipertimbangkan. Hakim yang ariff memutuskan kes di atas dasar bahawa ianya satu kes kecuaian jelas berdasarkan kepada prinsip *Donoghue* v. *Stevenson*.[1] Dia memutuskan pihak merayu bertanggungjawab kerana pecah tugas berhati-hati, akan tetapi beliau tidak mempertimbangkan soal cuai sumbangan yang diutarakan di dalam kenyataan pembelaan. Pihak merayu telah merayu.

Diputuskan: (1) Dari keterangan yang ada kes ini adalah kes penghuni/penceroboh atas alasan jelas bahawa pihak menentang rayuan telah menceroboh ke atas tanah kepunyaan pihak merayu dan oleh yang demikian prinsip di dalam kes *British Railways Board* v. *Herrington*[8] dan *Southern Portland Cement Limited* v. *Cooper*[9] adalah terpakai;

(2) tugas yang dikenakan ke atas penghuni terhadap penceroboh akan timbul apabila penghuni mengetahui akan fakta yang menunjukkan kemungkinan besar bahawa penceroboh itu akan datang ke sesuatu tempat di mana terdapat bahaya yang telah diwujudkan atau diketahui olehnya dan tugas ini akan dipenuhi dengan cara penghuni mengambil langkah-langkah yang sesuai seperti yang ditetapkan oleh perikemanusiaan biasa dan memandang kepada keadaan persendirian dan had kewangannya;

(3) di dalam kes ini pihak merayu memang mempunyai tugas terhadap pihak menentang rayuan oleh kerana mereka telah mendirikan, mengendalikan dan mengawal suatu tiang H-Pole yang amat berbahaya yang mempunyai kemungkinan membawa maut yang tersembunyi benar-benar

---

* Dialihbahasa dari [1982] 2 M.L.J. 128 oleh Puan Saleha binte Mohamed Ramly, LL.B.(Malaya), LL.M.(London) Pensyarah di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.